

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.11.2016

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menyemak semula kadar GST bagi tahun taksiran 2017 untuk meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula kadar GST yang pada masa ini ditetapkan pada 6%. Kadar yang ditetapkan tersebut adalah berdasarkan kajian terperinci yang dibuat untuk memastikan kadar GST yang dikenakan adalah yang paling bersesuaian dengan

mengambil kira antara lain kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan pada kadar umum 10 peratus bagi barangan yang diimport dan dikilangkan dalam negara dan cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus bagi perkhidmatan tertentu. Di samping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah diambil kira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 15

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan anggaran tempoh masa untuk mensyaratkan semua kenderaan diesel memasang penapis zarah diesel (diesel particulate filter) untuk meminimakan pencemaran udara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada dasar sedia ada, pihak Kementerian tidak bercadang untuk menetapkan syarat supaya semua kenderaan diesel perlu dilengkapi dengan penapis zarah diesel (*diesel particulate filter*) bagi meminimalkan pencemaran udara. Ini kerana, sebarang ketetapan atau peraturan melibatkan kawalan pencemaran udara yang berpunca daripada kenderaan motor adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) manakala pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah sebagai salah satu agensi sokongan berkaitan skop tersebut.